

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH :
SOALAN :

YB Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membendung kegiatan pembedahan plastik secara haram dan membanteras penggunaan alat perubatan oleh mereka yang tidak bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawalselia kemudahan jagaan kesihatan swasta berdasarkan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya. Manakala, bagi pengamal perubatan dikawalselia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dan peraturan-peraturannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk Seksyen 3 dan 5, Akta 586, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana premis untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan, termasuk seperti pembedahan plastik tanpa kelulusan dan/atau lesen daripada KKM. Jika disabit kesalahan, seseorang itu boleh dikenakan hukuman sehingga RM300,000.00 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya, dan dalam hal pertubuhan perbadanan atau perkongsian, boleh didenda sehingga RM500,000.00 bagi setiap kesalahan.

Manakala Seksyen 33, Akta 50, menetapkan bahawa adalah suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta 50 yang, antara lainnya:

- (a) bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta 50 atau sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan;
- (b) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran seorang tabib, doktor perubatan, siswazah perubatan dan pembedahan, sarjana muda perubatan, pakar bedah, pengamal am atau apotekari, untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden; atau
- (c) menggunakan istilah "klinik" atau "dispensari" atau "hospital" atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan itu dalam

sesuatu bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya yang berupa sebagai menjalankan amalan perubatan atau pembedahan sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Akta 50 untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden.

Pada masa yang sama, seorang pengamal perubatan berdaftar tidak dibenarkan mengamal di tempat selain dari tempat amalan yang dinyatakan dalam Perakuan Amalan Tahunan.

Tuan Yang Di-Pertua,

KKM sedang mengambil langkah-langkah bagi membendung isu pembedahan plastik di pusat-pusat kecantikan, antara lain seperti berikut:

- (a) Memastikan bahawa perkhidmatan jagaan kesihatan hanya disediakan di fasiliti yang berlesen atau berdaftar sepertimana yang digariskan bawah Seksyen 3 dan Seksyen 4, Akta 586. Sekiranya KKM mengesyaki atau mempercayai mana-mana pusat kecantikan menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan yang sewajarnya disediakan oleh fasiliti kesihatan tersebut, KKM boleh memasuki dan memeriksa mana-mana premis berkenaan bagi menjalankan siasatan, selaras dengan subseksyen 88 (1), Akta 586;
- (b) Memastikan bahawa perkhidmatan jagaan kesihatan disediakan oleh personel yang berkelayakan dan terlatih selaras dengan perenggan 31(1)(c), Akta 586; dan
- (c) Meningkatkan kesedaran orang ramai melalui media massa dari semasa ke semasa. KKM amat menggalakkan orang awam supaya

mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan rawatan dan tatacara yang dicadangkan kepada pesakit serta personel yang akan menjalankan rawatan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa mengambil berat isu keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan di Malaysia. Sebarang aduan berkaitan pembedahan plastik di yang dijalankan di pusat kecantikan boleh dikemukakan kepada Kementerian di alamat ckaps@moh.gov.my.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH [
SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan graduan yang dilahirkan di peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah oleh Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) bagi tahun 2014 dan sejauh manakah latihan industri (industrial training) mampu meningkatkan kebolehan insaniah dan seterusnya kebolehpasaran graduan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan graduan Universiti Awam yang berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2014 (sehingga 31 Oktober 2014) mengikut peringkat pengajian adalah seramai 2,690 orang graduan Ph.D, 14,939 orang graduan sarjana dan 69,601 orang graduan sarjana muda.

Bilangan Graduan universiti swasta bagi tahun 2014 mengikut peringkat pengajian ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah adalah seramai

65,428 orang iaitu 40,554 adalah warganegara manakala baki 24,874 orang bukan warganegara.

Latihan industri merupakan sebahagian dari syarat untuk bergraduat khususnya kepada pelajar-pelajar bidang kejuruteraan dan teknikal sebelum akhir pengajian. Selain daripada dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran secara *hands-on* dalam alam pekerjaan sebenar, para pelajar juga secara tidak langsung akan didedahkan dengan kepentingan menguasai kemahiran insaniah tertentu berdasarkan pengalaman mereka berurusan dengan majikan dan pelanggan terutamanya kemahiran komunikasi, kemahiran membuat keputusan, kerja berpasukan, pemikiran silang, kreatif dan inovatif, pengurusan masa, kepemimpinan, interpersonal dan penulisan laporan. Semua ini merupakan antara kriteria utama yang dilihat oleh majikan semasa proses pengambilan pekerja.